



Pemilik boleh diarah untuk mengganti, mengubah atau membaiki penginapan yang tidak mematuhi Akta 446 dengan serta-merta kepada penginapan sementara yang ditetapkan jabatan. (Foto hiasan)

Standard minimum perumahan pekerja asing diwartakan

Ordinan perkasa pematuhan aspek penginapan dalam usaha kekang COVID-19

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my



M Saravanan

Kuala Lumpur: Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja) (Pindaan) 2021 diwartakan kelmarin bagi memperkasa aspek pematuhan penginapan pekerja di seluruh negara dalam usaha mengawal penularan wabak COVID-19 secara menyeluruh dan berkesan.

Bagi tujuan sama, Kementerian Sumber Manusia turut menggu- bal dua Peraturan-baharu di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).

Menterinya, Datuk Seri M Saravanan, berkata di bawah Ordinan Darurat itu, pemaklakan Akta 446 diperluas ke Sabah dan Sarawak berbanding hanya dikuatkuasakan di Semenanjung sebelum ini.

Selain itu, ia memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) untuk mengeluarkan arahan kepada pemilik penginapan untuk mengganti, mengubah atau membaiki penginapan yang tidak mematuhi Akta 446 dengan serta-merta daripada

penginapan yang sesak dan tidak sesuai didiami manusia kepada penginapan sementara yang ditetapkan jabatan.

"Dalam hal ini, pemilik penginapan akan menanggung semua kos pengangkutan dari penginapan asal ke penginapan sementara, pengangkutan pergi balik ke tempat kerja dan penginapan sementara serta kos sewaan penginapan sementara.

"Pemilik penginapan yang gagal mematuhi arahan ini boleh didenda RM200,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya pada sidang media, semalam.

Saravanan berkata, ordinan itu juga memberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia untuk membuat penurunan kuasa Akta 446 kepada pegawai daripada agensi lain.

Sementara itu, melalui pengubahan dua peraturan baharu di bawah Akta 446, Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Pekerja Yang Dikehendaki Disediakan Pengin-

apan) 2021 mewajibkan majikan untuk menyediakan penginapan bagi semua pekerja asing yang digajikan, kecuali pembantu rumah.

"Selain itu, Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Pengkompaunan Kesalahan) 2021 membolehkan semua kesalahan di bawah Akta 446 di kompaun," katanya.

Kementerian Sumber Manusia membentuk Pasukan Petugas Kebangsaan Pematuhan Penginapan Pekerja yang dianggotai 10 Kementerian dan agensi lain berdasarkan keperluan.

Kementerian itu juga ber- cendang untuk membuat penurunan kuasa Akta 446 kepada pegawai yang terlibat dalam pasukan-kerja enam kementerian iaitu agensi di bawah kementerian itu sendiri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

"Penguatkuasaan ini mengu- makan 75,000 majikan yang meng- gajikan pekerja asing dengan tumpuan kepada tiga negeri de- ngan bilangan pekerja asing ter- tinggi iaitu Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lum- pur serta tiga sektor dengan kes- positif tertinggi iaitu pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan."

"Daripada 75,000 majikan itu, 3,500 majikan yang mempunyai lebih 100 pekerja akan menjadi fokus utama," katanya.